



Mempertahan integriti akademik

Amalan tidak berintegriti golongan akademik, mengeksploitasi dan mencuri hasil kerja pelajar menjejaskan nama baik universiti

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu etika dan integriti akademik kembali hangat diperkatakan baru-baru ini sekali gus menerima reaksi pelbagai daripada pengurusan universiti dan juga pelajar.

Berbicara mengenai isu integri-

ti akademik, bukan saja merujuk kepada aktiviti plagiat tetapi juga membabitkan banyak lagi salah laku lain termasuklah penipuan transkrip akademik, ijazah palsu dan rasuah.

Baru-baru ini, isu penunggang percuma atau 'free rider' pula diperkatakan apabila Tan Sri Rafidah Aziz membuat kenyataan mengenai amalan tidak ber-

integriti golongan akademik di universiti yang mengeksploitasi dan mencuri hasil kerja pelajar demi mencapai petunjuk prestasi utama (KPI).

Isu itu mendapat perhatian Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malek yang mahu tindakan tegas diambil dengan membawa perkara berkenaan ke muka pengadilan bagi memastikan

mereka yang terbabit dan bersalah menerima hukuman serta-merta.

Bagi Universiti Putra Malaysia (UPM), pihak universiti memandang serius amalan tidak berintegriti golongan akademik di universiti yang membabitkan sebarang bentuk eksploitasi, plagiat, atau mencuri hasil kerja pelajar.

Muka 3

Kerjaya


Berupaya membuat keputusan segera, tepat Muka 8

Inovasi

Aplikasi untuk warga UNITEN Muka 11

Pensyarah yang beretika dan mempunyai nilai integriti tinggi akan melahirkan graduan yang berkualiti dan serba boleh.

(Foto hiasan)



Jangan hanya sekadar mengejar KPI

Amalan tidak sihat memberikan gambaran buruk sistem pendidikan negara

Oleh Nor Azma Laila Md Khairudin
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Amalan tidak berintegriti golongan akademik di universiti yang mengeksploitasi dan mencuri hasil kerja pelajarnya demi mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) akan merosakkan institusi pendidikan tinggi sekali gus memberikan tekanan kepada pelajar yang terbabit.

Penularan amalan tidak sihat itu bukan sahaja memberikan gambaran buruk sistem pendidikan negara di mata dunia tetapi juga menjadikan universiti dilihat sebagai organisasi yang lebih mengutamakan kuantiti berbanding kualiti (kecemerlangan) kerana mengejar KPI, status dan kedudukan.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Sains Malaysia (USM), Mohammad Ariffudin Sah Harudin, berkata pelajar perlu tampil membuat aduan bagi mengatasi masalah itu daripada terus berleluasa dah menjadi penyakit dalam institusi pendidikan di negara ini.

Katanya, tidak dinafikan selangit pelajar terpaksa akur



Muhamad Ikhrum Ahmad Shafri

apabila hasil kerja mereka dieksploitasi oleh pensyarah atau penyelia kerana khuatir akan digagalkan dalam subjek berkenaan.

“Meskipun begitu, saya percaya universiti mempunyai banyak saluran aduan yang boleh dibuat secara rahsia supaya masa depan pelajar tidak diperjudikan dan mereka yang terbabit dibawa ke muka pengadilan.

“Pada masa sama, pelajar juga perlu berani mempertahankan hasil kerja mereka daripada dieksploitasi oleh pensyarah supaya mereka tidak berani atau sewenang-wenangnya mengambil kesempatan di atas kerja keras pelajar,” katanya.

Berikutan isu integriti akademik yang kembali hangat diperkata itu, MPP USM dengan kerjasama pihak universiti juga giat membuat hebahan mengenai perkara berkenaan dan menyediakan saluran aduan untuk mereka yang terbabit membuat laporan.

Sementara itu, Yang Dipertua MPP, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Muhamad



Mohammad Ariffudin Sah Harudin

Ikhrum Ahmad Shafri, berkata isu integriti akademik memabatkan pensyarah mencuri hasil kerja pelajar adalah satu aktiviti tidak sihat yang perlu ditangani secara serius kerana akan memberi kesan negatif kepada psikologi mahasiswa.

Katanya, motivasi pelajar yang terbabit dalam masalah itu akan merudum dan tertekan atau marah dengan tindakan yang dibuat oleh pensyarah tetapi pada masa sama tidak mampu mengambil sebarang tindakan kerana khuatir dengan penilaian dan markah yang akan diberikan.

“Pensyarah pula akan bersifat defensif sekali gus mewujudkan suasana yang tidak harmoni antara kedua-dua pihak.

“Dalam hal ini, MPP harus memainkan peranan dengan mengambil maklum masalah berkenaan serta membawa kepada pihak pengurusan tertinggi supaya pengadilan boleh dibuat dengan sewajarnya” katanya.

Yang Dipertua MPP, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Muhammad Aznur



Muhammad Aznur Syah Azman

Syah Azman, berkata KPI yang ditetapkan oleh pihak kementerian menjadi satu daripada faktor utama yang menyumbang kepada timbulnya isu pensyarah menumpang hasil kerja pelajar.

Katanya, terdapat juga pensyarah yang berbuat demikian kerana ingin mempercepat proses kenaikan pangkat kepada jawatan profesor atau profesor madya selain desakan daripada pengurusan tertinggi universiti supaya pensyarah menghasilkan penyelidikan turut menjadi punca kepada isu berkenaan.

“Isu ini bukanlah perkara baharu dan diketahui oleh pengamal akademik secara umum dan kesannya sesetengah pensyarah muda yang bergelar profesor atau profesor madya tidak begitu kompeten dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik.

“Situasi ini akan mengganggu kualiti pelajar yang dihasilkan oleh universiti sekali gus memburukkan nama institusi pendidikan tinggi di mata masyarakat tempatan mahu pun luar negara,” katanya.

SIDANG REDAKSI

Pengarang Kumpulan BH
Khaidir A. Majid

Pengarang Eksekutif Kanan
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif Komersial dan
Ehwal Semasa
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Eksekutif Berita dan Digital
M Thillinadan

Pengarang Eksekutif Pengeluaran
Azhar A. Samah

Pengarang Kandungan BM
Vertikal Pendidikan
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan
Mohd Zin Mohd Ali

Penyunting
Ili Ruzana Razali

Wartawan
Nor Azma Laila
Nas Norziela Nasbah
Mohd Khairul Anam Md Khairudin

Artis Eksekutif
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian / Vertikal Pendidikan
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
E-mel: educationNSD@
mediaprima.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

Majlis Pegawai Integriti platform bincang isu integriti akademik

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Naib-Naib Canselor/ Rektor (JKNC/R) Universiti Awam Malaysia mengusulkan penubuhan Majlis Pegawai Integriti sebagai platform untuk membincangkan isu mengenai integriti akademik di semua universiti awam (UA).

Perkara berkaitan isu berkenaan termasuklah plagiat dan penunggang percuma atau *free rider* turut dibincangkan dalam mesyuarat JKNC/R yang diadakan, baru-baru ini.

Pengerusi JKNC/R, Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), berkata jawatankuasa itu berazam untuk terus memerangi isu penunggang percuma dan plagiarisme kerana isu sedemikian hanya akan memberikan impak negatif dan mengakibatkan kepincangan integriti serta etika dalam penyelidikan dan penerbitan dalam pendidikan tinggi.

Katanya, UA di negara ini sentiasa berpegang teguh kepada integriti akademik dengan memastikan semua penerbitan akademik adalah bebas daripada isu plagiat dan penumpang percuma kepada mana-mana penerbitan penyelidikan.

"Semua UA mengambil serius terhadap amalan tidak beretika ini dan ahli akademik bertanggungjawab untuk sentiasa jujur pada setiap masa.

"Mana-mana laporan dibuat kepada pengurusan tertinggi universiti akan disiasat mengikut peraturan dan prosedur yang



Prof Nor Aieni

berkuatkuasa di bawah universiti berkenaan," katanya.

Sekiranya terbukti berlakunya salah laku, tindakan tegas boleh diambil berdasarkan Akta 605 iaitu Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Prof Nor Aieni berkata, ahli akademik harus sedar mengenai peraturan akademik yang berkuatkuasa di universiti masing-masing seperti Kod Etika Akademik, Polisi Penyelidikan dan Inovasi serta Etika Penyelidikan.

"Peraturan ini adalah panduan mengenai etika penyelidikan dan penerbitan termasuk penerbitan jurnal yang membabitkan peranan penyelia dan pelajar.

"UA di negara ini sentiasa mengadakan jerayawara, taklimat serta bengkel yang berkaitan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan berlakunya perbuatan tidak beretika dalam penyelidikan dan penerbitan akademik," katanya.



Kakitangan universiti turut mengambil bahagian dalam majlis ikrar bebas rasuah dan integriti. (Foto hiasan)